



DR MAHATHIR dan Dr Siti Hasmah melihat sebahagian daripada 22 skrol penghargaan untuk beliau yang mengandungi lebih 1,000 tandatangan kakitangan Sunrise Berhad, penghuni Kondominium Mont Kiara dan orang ramai yang diserahkan kepadanya, semalam. - Gambar oleh Syamsi Suhaimi

Bush, Rumsfeld patut letak jawatan, kata Dr M

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Presiden Amerika Syarikat (AS), George W Bush dan Setiausaha Pertahanannya, Donald Rumsfeld, sepatutnya meletak jawatan jika benar benar mengaku bersalah dan bertanggungjawab terhadap perbuatan tenteranya mendera dan menghina tahanan Iraq.

Bekas Perdana Menteri berkata, itu adalah cara terbaik untuk mereka meminta maaf kepada rakyat Iraq dan seluruh dunia berhubung kejadian di Iraq, termasuk penderaan terhadap tahanan rakyat negara berkenaan.

"Kalau di Jepun, mereka dah letak jawatan dan melakukan harakiri.

"Ini kata bertanggungjawab dan minta maaf. Lepas itu habis, orang kena bunuh, orang kena seksa," katanya kepada pemberita selepas mengnadi majlis penyampaian 22 skrol menghargai jasanya selama 22 tahun sebagai Perdana Men-

teri di Mont Kiara di sini, semalam.

Skrol disampaikan Ketua Eksekutif Sunrise, Datuk Michael Yam. Turut hadir, isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir berkata, AS perlu mencari jalan bagi menyelesaikan masalah di Iraq kerana kerana Washington bertanggungjawab menceroboh dan menyerang negara itu walaupun dunia membantah.

"Kita kata pada dia jangan ceroboh Iraq, dia ceroboh juga. Dunia kata, jangan ceroboh Iraq, tetapi mereka tidak peduli. Sekarang, mereka kena selesaikan masalah," katanya.

Beliau berkata, masalah di Iraq tidak dapat diselesaikan sekalipun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu campur tangan kerana kewujudan askar masih diperiukan bagi mengawal keadaan,

Bagaimanapun, katanya, tiada pihak yang mahu ke Iraq sekarang kerana keadaan kini bertambah teruk.